

Syarat-syarat & Peraturan Peraduan Penganjur & Kelayakan Mengambil Bahagian 1. PERADUAN NESTLÉ MAT KOOL® 2 UNTUK MENANG™ ["Peraduan"] dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"] dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia dan Brunei berumur lebih daripada 7 [tujuh] tahun pada 01/11/2009. **2.** Untuk menyertai Peraduan ini, peserta berumur antara 7 [tujuh] hingga 17 [tujuh belas] tahun mesti mengisi butir-butir ibu bapa atau penjaga dalam borang penyertaan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pembatalan. **3.** Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: **(a)** Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau **(b)** Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]. **Tempoh 1.** Peraduan ini akan diadakan dari 01/11/2009 hingga 31/12/2009 ["Tempoh Peraduan"]. Pihak Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan. **Penghantaran Borang Penyertaan & Kriteria Kelayakan 1.** Setiap pembelian mana-mana 2 [dua] MAT KOOL® Cup, MILO® Cup dan/atau SMARTIES® Cup akan melayakkan anda untuk menyertai Peraduan ini. Sila rujuk Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] untuk senarai produk yang turut serta dan bukti pembelian ["Bukti Pembelian"] yang dikehendaki untuk menyertai Peraduan ini. **2.** Setiap borang penyertaan yang dihantar mestilah ditulis tangan secara berasingan, dilengkapi dengan butir-butir yang dikehendaki, 3 [tiga] jawapan betul kepada kenyataan BENAR/SALAH, dan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang dikehendaki. Borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau tidak tepat, memberikan jawapan salah kepada kenyataan BENAR/SALAH, atau penyertaan dengan Bukti Pembelian tidak betul dan/atau rosak akan dibatalkan. **3.** Setiap peserta berhak/layak menghantar lebih daripada 1 [satu] borang penyertaan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan 1 [satu] Bukti Pembelian dalam 1 [satu] sampul surat. Sampul surat yang mengandungi berbilang borang penyertaan atau Bukti Pembelian akan dibatalkan. Salinan borang penyertaan diterima, dengan syarat setiap satu ditulis tangan secara berasingan. **4.** Setiap borang penyertaan mesti dikirim melalui pos biasa ke alamat yang dinyatakan. Borang penyertaan yang diterima menerusi penghantaran dengan tangan, khidmat kiriman cepat, Pos Laju dan/atau sebarang kaedah kiriman yang lain akan dibatalkan secara automatik. Bukti kiriman pos tidak menandakan bukti penerimaan oleh Pihak Penganjur. **5.** Setiap borang penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan diberi 1 [satu] nombor bersiri. **Hadiah 1.** Hadiah bagi Peraduan ini dibahagi ke dalam 4 [empat] kategori. **(a)** Hadiah Utama: Setiap penyertaan ke-2,888 yang diterima akan memenangi satu NINTENDO® Wii™. Terdapat sejumlah 10 [sepuluh] Hadiah Utama untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 [satu] Hadiah Utama sepanjang Tempoh Peraduan. **(b)** Hadiah Pertama: Setiap penyertaan ke-188 yang diterima akan memenangi satu MAT KOOL® TV Game Mat. Terdapat sejumlah 400 Hadiah Pertama untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 [satu] Hadiah Pertama sepanjang Tempoh Peraduan. **(c)** Hadiah Kedua: Setiap penyertaan ke-88 yang diterima akan memenangi satu Beg MAT KOOL®. Terdapat sejumlah 1,000 Hadiah Kedua untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 [satu] Hadiah Kedua sepanjang Tempoh Peraduan. **(d)** Hadiah Ketiga: Setiap penyertaan ke-28 yang diterima akan memenangi satu Baucar KFC RM10 [Sepuluh Ringgit Malaysia sahaja] ATAU satu Baucar KFC BND5 [Lima Brunei Dollar sahaja]. Terdapat sejumlah 3,000 Hadiah ketiga untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Setiap peserta hanya boleh memenangi maksimum 3 [tiga] Hadiah Ketiga sepanjang Tempoh Peraduan. **2.** Pemenang akan diberitahu melalui pos. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan menerusi pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh 3 [tiga] bulan dari tarikh pemberitahuan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik. Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman web Pihak Penganjur [www.nestle.com.my]. **3.** Pihak Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. **4.** Semua pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada. **Liabiliti & Tanggungjawab 1.** Pemenang akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Peraduan ini, menuntun dan/atau menggunakan hadiah Peraduan ini dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Pihak Penganjur daripada sebarang liabiliti. **2.** Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntun hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya. **Hak Penganjur 1.** Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau publisiti dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut. **Terma & Syarat 1.** Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. **2.** Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan Peraduan ini, serta keputusan Pihak Penganjur.